



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	21/6/2021	MUKA SURAT	:	26
JABATAN	:	PERHILITAN			

Penduduk bimbang kemunculan beruang

PORT DICKSON: Penduduk Kampung Jimah Lama dekat sini, diselubungi kebimbangan selepas dikejutkan dengan kelibat seekor beruang matahari yang kelihatan di atas sebatang pokok di kampung tersebut, Jumaat lalu.

Setiasaha Majlis Pengerusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Jimah Lama, Othman Shamsuddin berkata, tiga penduduk yang sering masuk ke kebun durian berdekatan mendakwa melihat haiwan itu.

"Kawasan hutan di sini sudah mula diterokai jadi berkemungkinan ada sepasang beruang matahari di kebun durian berkenaan.

"Saya dimaklumkan ada penduduk melihat haiwan berkenaan di atas pokok tiga hari

lalu. Sebelum ini memang ada penduduk melihat haiwan itu namun selepas beberapa lama baru ada cerita mengenai penemuan beruang matahari ini," katanya semalam.

Menurut Othman, kebanyakan penduduk kampung mula sudah takut untuk keluar rumah masing-masing kerana khuatir terserempak dengan haiwan berkenaan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Penghilitan Negeri Sembilan, Wan Mat Wan Harun berkata, beruang matahari itu dipercayai tersesat dari kawasan hutan berhampiran dan pihaknya memasang perangkap sejak kemarin.

"Beruang ini berbahaya jika kita melakukan provokasi dan boleh menyerang balik," katanya.



OTHMAN Shamsuddin menunjukkan kawasan yang pernah dilihat kelibat beruang matahari di Kampung Jimah Lama, Port Dickson, Negeri Sembilan. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI